

1. PROFAIL PENJARA SEREMBAN

1.1. Sejarah Penjara Seremban

Kewujudan Penjara Seremban dipercayai pada tahun 1881 berdasarkan catatan sejarah perlantikan Ketua Polis Negeri Sembilan yang juga merangkap Penguasa Penjara Sungai Ujong iaitu W.W.Douglas. Namun, menurut laporan Lt.Col.R.S.F.Walker, Inspektor of Prison Federation Malay State pada 3 November 1917, Institusi Penjara telah wujud sejak tahun 1896 semasa campurtangan Inggeris ke atas Negeri Sembilan. Sejarah kewujudan penjara ialah berhadapan dengan Ibu Pejabat Polis Kontigen Seremban, Negeri Sembilan dan sebuah lagi di Kendong yang terletak dalam daerah Rembau iaitu kira-kira 6 km dari Pekan Tampin.

Tahun yang tepat bagi pembinaan tidak diketahui tetapi dalam 'Government Gazette' dilaporkan pada tahun 1896 telah wujud Penjara (Gaole) Seremban. Bangunan Penjara yang berusia lebih dari 100 tahun ini telah dibuka semasa pemerintahan kerajaan British yang menakluki Semenanjung Tanah Melayu. Penjara ini juga telah digunakan oleh Pemerintahan Jepun semasa penaklukannya di Tanah Melayu dan penjara ini digunakan untuk menempatkan tahanan-tahanan jenayah dari Negeri Sembilan, Melaka dan daerah-daerah yang berhampiran dengan sempadannya.

Pembinaan Penjara Khas Seremban yang ada sekarang dipercayai dibina pada tahun 1902 bagi menahan dan memulih pesalah mengenai kes-kes yang berkaitan dengan dadah. Keseluruhannya, Penjara Seremban mempunyai keluasan 10.951 hektar terletak dalam lot.No.14056 dan 3827 Mukim Bandar Seremban. Hak milik rizab penjara dan pendaftaran perwartaan N.M.B No.3768 bertarikh 6.8.1937. Keluasan bagi kawasan penjara ialah 2.8491 hektar manakala bagi kawasan perumahan pula ialah 8.056 hektar.





1.2. Pentadbiran

Sejak Negara mencapai kemerdekaan bermula tahun 1957 hingga sekarang, tampuk pentadbiran serta pengurusan Penjara Seremban diterajui oleh 16 orang Pegawai Yang Menjaga. Sebelum Sistem Saraan Baru (SSM) dilaksanakan, Pegawai Yang Menjaga Penjara Seremban terdiri daripada jawatan Penguasa Penjara Gred KX 3. Namun selepas (SSM) dilancarkan pada tahun 2002, Penjara Seremban ditadbir oleh seorang Pengarah berpangkat Penolong Komisioner Penjara KX 48 dan kini penyerahan kuasa kali terakhir dibuat pada 1 Julai 2008 iaitu di antara PKP Ku Nawawi bin Ku Hamid kepada Pengarah Penjara Seremban yang ke 17 iaitu PP Ahmad Saidi bin Hamzah.

Dalam pentadbiran institusi ini, ianya melibatkan beberapa kumpulan iaitu, Pegawai Penjara, pekerja sivilian dan guru pertukangan. Pegawai Penjara memberikan sumbangan melalui perkhidmatan kepenjaraan yang professional dan melaksanakan dua peranan secara serentak iaitu dalam pengurusan keselamatan dan pemulihan.

Pentadbiran Penjara Seremban terdiri daripada Ketua Institusi berpangkat Penguasa Penjara Gred KX 44, Urusetia berpangkat Inspektor Penjara KX 27, Ketua Unit Risikan berpangkat Inspektor Penjara KX 27 dan Ketua Unit Audit Dalam MS ISO 9001:2000 berpangkat Ketua Inspektor Penjara KX 32. Pengurusan Penjara Seremban dibahagikan kepada 3 bahagian utama iaitu Keselamatan, Pemulihan dan Pengurusan.

Bahagian Keselamatan diketuai oleh Timbalan Penguasa Penjara KX 41 dan di bawah bahagian keselamatan terbahagi kepada 2 iaitu Keselamatan Am dan Pengurusan banduan. Unit-unit di bawah Keselamatan Am adalah Unit Kawalan dan Pencegahan, Unit Pintu Besar, Unit Disiplin, Unit Atur Tugas, Unit Amra serta anggota tugas-tugas am meliputi giliran awal, akhir dan malam. Manakala satu bahagian lagi ialah Pengurusan Banduan yang dikendalikan oleh Pegawai Rekod. Unit Pengurusan banduan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pendaftaran penerimaan, pembebasan banduan dan juga rekod banduan termasuk urusan mahkamah, sebat rotan, ulang bicara, surat-menyurat dan lain-lain lagi.

Bahagian Pemulihan adalah merupakan bidang tugas penting dalam pengurusan orang banduan. Diketuai oleh Timbalan Penguasa Penjara KX 41 dan bahagian Pemulihan memainkan peranan penting dalam memastikan program-program yang dijalankan dapat dilaksanakan sepenuhnya kearah memulihkan banduan. Unit-unit bawah bahagian Pemulihan adalah Plan Pembangunan Insan, Unit Kebajikan, Unit Agama, Unit Parol, Unit Kesihatan dan Unit Perusahaan dan Kemahiran Vokasional.

Di bawah Bahagian Pengurusan juga diketuai oleh Timbalan Penguasa Penjara KX 41 dan unit terlibat adalah Unit Pentadbiran/ Kewangan, Unit Pembangunan / Landskap, Unit Logistik, Unit Latihan dan Unit Kenderaan.

2. PERKHIDMATAN/ KEMUDAHAN KEPADA KELUARGA BANDUAN

Lawatan dan perjumpaan merupakan suatu kaedah bagi membolehkan banduan mengadakan hubungan yang positif dengan saudara mara dan rakan-rakan dan bagi mengurangkan tekanan kepada banduan semasa dalam tahanan.

i. Piagam Pelanggan Tempat Lawatan

- Kami adalah komited untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan
- Kami juga berjanji memberi layanan yang adil, mesra serta perkhidmatan yang berkualiti
- Menyediakan tempat menunggu dan tempat perjumpaan yang selesa dan selamat
- Menyediakan panduan yang lengkap dan mudah difahami
- Memastikan setiap aduan dan cadangan diambil tindakan segera.

- Menjamin semua urusan mengikut undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan.

ii. Syarat-syarat lawatan:

- Pelawat adalah terdiri daripada saudara- mara dan rakan-rakannya yang bermaksud termasuklah ibu/bapa/suami/isteri/anak/datuk/nenek/bapa mertua/ibu mertua/adik-beradik tiri/adik beradik angkat serta rakan-rakannya yang rapat dan didaftarkan;
- Kad Lawatan dan Kad Pengenalan atau Pasport atau lain-lain pengenalan diri hendaklah dibawa bersama pada hari lawatan;
- Keluarga banduan hendaklah membawa 'Kad Lawatan Banduan' dan hadir pada tarikh yang tercatat di kad lawatan atau cukup tempoh lawatan;
- Berpakaian kemas dan bersopan;
- Sentiasa mematuhi peraturan-peraturan lawatan;
- Masa lawatan ialah 45 minit dan pada satu masa lawatan hanya dibenarkan lima (5) orang pelawat sahaja yang boleh melawat banduan. Jika ahli keluarga ramai, perjumpaan dibuat secara bergilir dalam masa 45 minit tersebut. Kanak-kanak di bawah umur 10 tahun tidak termasuk dalam bilangan pelawat;
- Makanan, minuman dan barang-barang keperluan banduan hanya dibenarkan dibeli dari kantin penjara.

iii. Waktu Lawatan Keluarga

Isnin,Rabu,Khamis,Jumaat dan Ahad	8.00 pg – 4.00 ptg	Pendaftaran ditutup pada jam 3.30 ptg
Sabtu	8.00 pg – 1.00 tgh	Pendaftaran ditutup pada jam 12.30 tgh
Selasa dan Cuti Umum	*Tiada perjumpaan	


Sebarang semakan atau temujanji perjumpaan **boleh dibuat melalui talian 06-7652500/ 7652501/7652502 (sambungan 2459).**

3. KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN UNTUK LAWATAN KELUARGA


Penjara Seremban juga telah menyediakan kemudahan perjumpaan yang selamat dan selesa kepada keluarga banduan.



TEMPAT LAWATAN KELUARGA BANDUAN



TEMPAT PENDAFTARAN LAWATAN



RUANG LAWATAN KELUARGA BANDUAN



RUANG MENUNGGU KELUARGA BANDUAN



**LAIN-LAIN KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN
(KEMUDAHAN ELEKTRONIK DAN BAHAN BACAAN)**

4. UNIT PERHUBUNGAN AWAM PENJARA SEREMBAN

4.1. Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi talian di bawah:

Telefon - 06-7652500 / 06-7652501 / 06-7652502
Faks - 06-7635991

Sebarang cadangan/aduan/persoalan sila e-mailkan kepada:

prsrmbn@prison.gov.my

4.2. Pegawai yang boleh dihubungi menggunakan talian telefon di atas:

4.2.1. Timbalan Pengarah Penjara

TPP Hj.Zailan bin Sutin

4.2.2. Timbalan Penguasa Penjara


TPP Redzwan bin Saghil @ Yusof

TPP Mohd.Kolek bin Mohamad Noor

4.2.3. Urusetia Penjara Seremban

WP 15158 Elany Azmar bin Azizan

WP 17680 Kamisah binti Mohammed Noor



PELAN LOKASI PENJARA SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN